## SYARAT KEMASUKAN PROGRAM BACELOR LEPASAN MATRIKULASI/ASASI SESI AKADEMIK 2017/2018

### FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN

| Bil. | (i) Program Pengajian<br>(ii) Kod<br>(iii) Tempoh Pengajian | Kelayakan Minimum Matrikulasi/Asasi |
|---|---|---|
| | | **Syarat Am Universiti**<br><br>Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia **(SPM)** dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira;<br>**DAN**<br>Mempunyai Asasi Sains Pertanian UPM/Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00;**<br>**DAN**<br>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 ***(Band 1)*** dalam *Malaysian University English Test* ***(MUET)*** mengikut tempoh sah laku.<br><br>**(Syarat Khas Program Pendidikan)**<br>a) Permohonan terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;<br>b) Calon mestilah lulus dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM;<br>c) Calon hendaklah berumur tidak melebihi 30 tahun semasa mengemukakan permohonan;<br>d) Calon hendaklah sihat tubuh badan, tidak mengidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini;<br>e) Pemohon yang layak, perlu menduduki Ujian MEdSI dan melepasi tahap minimum Ujian MEdSI, lulus Ujian Khas yang ditetapkan serta diperakukan temu duga sebelum dipertimbangkan untuk ditawarkan ke Program Pendidikan.<br><br>**Nota:**<br>Tiada jaminan penempatan di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) selepas calon menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di UA. |